

KERTAS MODEL UASA EKSTRA

Skor

/60

KERTAS 1 (02/1)

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A

[15 markah]

1 jam 30 minit

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kebanyakan peniaga kini menjalankan _____ secara dalam talian.
A usaha sama C susun atur
B urus niaga D atur cara
2. Para _____ yang melawat ke pulau peranginan tersebut dinasihatkan agar menjaga kebersihan dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat.
A pelawat C pengunjung
B peserta D tetamu

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan **berhuruf condong** dengan betul.

3. I Para pemandu diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui *jalan* yang sempit itu.
II Usaha menamatkan perang antara dua negara tersebut melalui *jalan* pendamaian gagal dilaksanakan.
III Dia mengucapkan selamat *jalan* kepada kami sebelum bertolak pagi tadi.
IV Pertandingan bola sepak dijangka *jalan* minggu hadapan.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja
4. I Sikapnya semakin *besar* apabila semakin dewasa.
II Encik Ahmad tinggal di rumah yang *besar*.
III Projek pembinaan jambatan tersebut menelan belanja yang *besar*.
IV Cita-citanya untuk memiliki sebuah syarikat yang *besar*, akhirnya berjaya.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A**, **B**, atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

5. "Lain-lain acara yang akan dipertandingkan dalam sukan tersebut akan dibincangkan dalam mesyuarat nanti."
A Acara-acara lain C Lain-lain acara-acara
B Acara-acara lain-lain D Lain-lain acara
6. Kami menerima mini sampul surat yang berisi wang tunai daripada rakan ibu semasa kami bertandang ke rumahnya.
A sampul-sampul surat mini
B sampul surat mini
C mini-mini sampul surat
D mini sampul surat

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

7. I Wajah adik kusam kerana dimarahi oleh ibu.
II Pertunjukan payung terjun telah dilihat oleh kami kelmarin.
III Penyu mengengsot perlahan-lahan naik ke pantai untuk bertelur.
IV Kemalangan itu berlaku di hadapan mata saya.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja
8. I Perbincangan mereka telah mendapat kata sepakat.
II Perjalanan kami ke kampung mengambil masa selama dua jam.
III Nyanyian lagu patriotik itu penuh semangat cintakan negara.
IV Sumbangan makanan itu demi untuk meringankan beban keluarga miskin.

- A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan **ayat yang dicetak tebal**.

9. Sudah sebulan Encik Hamid pindah ke sini, namun beliau masih belum dapat menyesuaikan diri.

- A Encik Hamid telah menyesuaikan diri sejak berpindah ke sini sebulan yang lalu.
B Beliau masih belum menyesuaikan diri sejak sebulan yang lalu ketika berhijrah ke sini.
C Sejak berpindah ke sini sebulan yang lalu, beliau dan keluarga masih belum dapat menyesuaikan diri.

- D Encik Hamid masih belum dapat menyesuaikan diri walaupun sudah sebulan berpindah ke sini.

Soalan 10

Pilih **peribahasa** yang **paling sesuai**.

10.

Semua rumah di Kampung Mawar gelap-gelita kerana bekalan elektrik terputus akibat ribut petir yang melanda.

Nyatakan bandingan semacam yang bersesuaian dengan situasi di atas.

- A Kaku seperti mayat
B Kurus seperti lidi
C Gelap seperti gua
D Panas seperti api

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

"Profesor Azizah, ukuran bagi nilai kejayaan seseorang bukan pada menang atau kalah ... tapi pada kekuatan daya usaha dan ikhlas berjuang semata-mata untuk meningkatkan kemajuan diri. Ingat pesan cikgu."

Terkebil-kebil mata Azizah apabila menerima mandat yang besar daripada Cikgu Zaleha.

Azizah pulang tengah hari itu dengan tekadnya dan semangat yang kuat untuk membuktikan bahawa usaha gigihnya dapat membina keyakinan dirinya, bukan wang yang banyak, bukan tenaga yang kuat.

Habis daun nipah, urat mengkuang, dan daun lalang dikerjakannya. Dengan berulang-ulang, dicubanya untuk meneroka pelbagai bentuk dan warna, aneka rupa dan teknik, cara dan persembahan. Dengan suntikan kata-kata semangat ayah dan bimbingan ibunda yang berjemari seni, tidak hairanlah Azizah menang pada peringkat daerah sebagai johan. Pada peringkat negeri pula, dia mendapat naib johan.

Pada peringkat kebangsaan pula, Cikgu Zaleha tersenyum puas atas kemenangan Azizah bagi kategori Karya Inovatif kerana Azizah yang digelarnya Profesor Serba Boleh itu telah berjaya menambat hati para hakim dan juri dengan menghasilkan Tudung Saji 20 Beradik. Set tudung saji menarik yang bermula dengan saiz seinci dan berakhir dengan saiz 48 inci itu telah mengambil masa selama lapan minggu untuk disiapkan.

Dipetik daripada cerpen "Hadiah", antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Berdasarkan petikan, perkataan *terkebil-kebil* membawa maksud

- A terpejam.
B tertutup sebelah mata.
C terkelip-kelip.
D terbeliak.

12. Habis daun nipah, urat mengkuang, dan daun lalang dikerjakannya. Dengan berulang-ulang, dicubanya untuk meneroka pelbagai bentuk dan warna, aneka rupa dan teknik, cara dan persembahan.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah bandingan semacam yang sesuai?

- A Rajin seperti semut
B Diam seperti tunggul
C Mahal seperti emas
D Tenang seperti tasik

13.

"... tapi kekuatan daya usaha dan ikhlas berjuang semata-mata untuk meningkatkan kemajuan diri. Ingat pesan cikgu."

Berdasarkan petikan di atas, apakah persoalan yang paling sesuai?

- A Biar putih tulang jangan putih mata
B Kegigihan berusaha akan menghasilkan kejayaan



- C Kekuatan fizikal adalah penentu kejayaan seseorang
 D Seseorang itu perlu bijak memajukan diri sendiri
14. Apakah karya seni yang dihasilkan oleh Azizah?
 A Lukisan C Tudung saji
 B Tikar mengkuang D Tenunan batik

15. Yang berikut merupakan pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan tersebut, **kecuali**
 A Azizah mengambil masa selama lapan minggu untuk menyiapkan hasil seninya.
 B Azizah dinobatkan sebagai johan pada peringkat daerah.
 C Azizah memenangi kategori Karya Inovatif pada peringkat kebangsaan.
 D Azizah mewarisi bakat seni daripada gurunya.

Bahagian B

[30 markah]

1. Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan.

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KALI KE 69

Tarikh:

Hari:

Masa:

Aktiviti:

31 Ogos 2026

Isnin

8:30 pagi hingga 12:30 tengahari

☛ Perbarisan

☛ Sukan rakyat

☛ Pertunjukan pakaian beragam

Orang ramai dijemput hadir

- (i) _____
- (ii) _____
- [2 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Safwan membeli alat tulis-alat tulis sebagai persiapan pengajiannya pada semester hadapan.

- (ii) Banyak kenderaan tertimbus oleh kerana kejadian tanah runtuh yang berlaku sebentar tadi.

[2 markah]

3. Nyatakan **pola ayat dasar** bagi setiap ayat di bawah ini sama ada **Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)**, **Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA)**, dan **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS)**.

- (i) Kakak Azmil ialah anggota polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang.

- (ii) Makanan ini untuk para peserta dan tetamu yang hadir.

(iii) Pak Arshad membaiki bumbung rumahnya yang bocor.

(iv) Aliran air bawah tanah sangat laju.

[4 markah]

4. Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan bahan tersebut, tulis **bandingan semacam** yang sesuai.



(i) _____



(ii) _____

[2 markah]

5. Baca bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Makanan yang sihat menjamin kesihatan yang berpanjangan. Para pengendali makanan dinasihatkan agar menjaga kebersihan premis makanan. Premis makanan yang kotor mengundang pelbagai vektor seperti lipas, tikus, dan lalat yang mengundang pelbagai penyakit berjangkit. Kawasan persekitaran di premis makanan seperti longkang hendaklah bersih, sisa-sisa makanan dibuang di tempat yang sesuai, dan tidak membuang sampah sarap di merata-rata tempat.

Pengendali makanan hendaklah bersih dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit seperti batuk kering, selesema, demam, dan penyakit kudis. Pengendali makanan diwajibkan untuk mengambil suntikan antitifoid bagi mengawal penyakit berjangkit yang boleh disebarkan melalui makanan. Selain itu, pengendali makanan hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri seperti memotong kuku, memakai apron, topi, dan kasut bertutup semasa menyediakan makanan. Pihak berkuasa hendaklah membuat pemantauan dan tindakan saman kepada para peniaga atau pengendali makanan yang ingkar.

Bahan 2

Sijil penarafan premis makanan



Larangan merokok di premis makanan



Pengendali makanan dalam keadaan bersih

- (i) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, berikan langkah-langkah untuk mengatasi masalah penyakit berjangkit yang berkaitan dengan makanan.

[3 markah]

- (ii) Berikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam Bahan 1.

[3 markah]

- (iii) Makanan yang bersih menjamin kesihatan tubuh badan.


Pada pendapat anda, bagaimanakah cara-cara untuk memastikan sesuatu makanan itu bersih?

[4 markah]

6. *Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1.*

- (i) Sejangkak Bakti, karya Rejab F.I
- (ii) Pelari Muda, karya Ghazali Ngah Azia
- (iii) Formula Termodinamik, karya Obasiah Haji Usman
- (iv) Destinasi Impian, karya Mohd Ismail Sarbini

Tema ialah isu utama disampaikan oleh pengarang kepada para pembaca. Dalam sesebuah novel hanya terdapat satu tema yang disokong oleh beberapa persoalan lain yang boleh dijadikan teladan dan pengajaran.



Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, kemukakan **tiga contoh peristiwa** berdasarkan tema yang diberikan.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[10 markah]

[15 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **implikasi-implikasi penggunaan telepon pintar dalam kalangan murid**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Di Malaysia, penggunaan telefon pintar semakin meningkat yang meliputi 92.5 peratus pengguna dan sebanyak 20.5 peratus pengguna adalah dalam kalangan murid sekolah. Telefon pintar menjadi alat komunikasi yang penting dalam kehidupan masyarakat. Bagi sesetengah murid, telefon pintar menyebabkan mereka bertindak agresif dengan merakam aktiviti tidak bermoral walaupun sekadar gurauan. Telefon pintar yang dilengkapi dengan kemudahan multimedia akan mendatangkan impak yang besar terhadap perubahan tingkah laku murid. Misalnya, mereka mudah leka dengan telefon pintar masing-masing dan kurang berinteraksi dengan rakan. Mereka lebih mementingkan hiburan berbanding dengan pelajaran hingga menyebabkan pengabaian terhadap pelajaran yang membawa kepada kemerosotan pencapaian akademik. Selain itu, mereka mudah terpengaruh dengan budaya tidak sihat yang tersebar melalui aplikasi telefon pintar.

Selain itu, penggunaan telefon pintar mengubah cara remaja berkomunikasi. Mereka lebih yakin dalam WhatsApp, Telegram, atau Tiktok tetapi apabila bersemuka mereka akan gagap dan menghadapi masalah komunikasi. Lebih malang lagi, murid lebih gemar membaca komen-komen dalam media sosial berbanding dengan membaca buku. Namun begitu, telefon pintar membolehkan murid menghubungi ibu bapa dan rakan-rakan. Telefon pintar boleh menjadi sumber maklumat jika digunakan dengan baikny. Penggunaan telefon pintar sehingga lewat malam menyebabkan mereka tidak mendapat tidur yang cukup hingga membawa kepada perubahan personaliti seperti kemurungan dan kurang tumpuan terhadap akademik.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2009 telah dikuatkuasakan bertujuan untuk melarang murid membawa telefon pintar ke sekolah kerana akan menimbulkan masalah kecurian, pergaduhan, dan penyebaran maklumat yang dapat mempengaruhi perlakuan negatif murid. Murid merupakan aset negara dan generasi yang bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan. Tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melarang murid membawa telefon pintar ke sekolah patut dipatuhi demi kebaikan semua.

Arahan: Jawab soalan dalam **Bahagian A** serta **satu** soalan daripada **Bahagian B**.

1 jam

Bahagian A

[10 markah]

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Sekolah



pengetua sekolah merasmikan sambutan Bulan Kemerdekaan – di tapak perhimpunan – dihadiri oleh murid dan guru – pelbagai program diadakan – pertandingan nyanyian lagu patriotik – pertandingan menulis buku skrap tokoh kemerdekaan, pameran, dan penulisan cerpen – hadiah menarik disediakan – tamat pada 16 September

[30 *markah*]

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, **pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.**



KITAR SEMULA AMALAN MULIA

- [illegible]

